



ANM.PHG.600.15/2/85 Jld.3 (86)

15 Oktober 2025

**Ketua Jabatan Pusat Tanggungjawab**

Tuan/Puan,

**PENGHANTARAN PENGESAHAN BAKI KOD AKAUN UNTUK TUJUAN PENYEDIAAN KERTAS KERJA SOKONGAN (KKS) LEJAR AM AKRUAN BAGI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PRA-PERALIHAN SEPERTI PADA 30 SEPTEMBER 2025 (INTERIM)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan sebagai persediaan penutupan akaun pra-peralihan tahun kewangan 2025 (asas akruan), kerjasama tuan/puan diperlukan untuk menyemak lejar am akruan dan membuat pengesahan baki akaun seperti pada **30 September 2025**, mengikut Panduan Penyediaan Pengesahan Baki yang disertakan bersama surat ini.

3. Disertakan bersama senarai kod akaun yang terlibat seperti di **Lampiran A**. Pengesahan Baki yang disediakan hendaklah disahkan oleh Ketua jabatan dan dikemukakan kepada JANM Pahang dalam **tiga (3) salinan dan selewat-lewatnya pada 28 Oktober 2025 (Selasa)**. Format Pengesahan Baki berdasarkan kod akaun terlibat perlulah dirujuk di link seperti di bawah:-

<https://pahang.anm.gov.my/arkib-pengumuman-pahang/pengumuman/2025>

4. Pengesahan Baki Akaun yang telah disahkan adalah memainkan peranan penting bagi menyokong Lejar Am Akruan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-peralihan Tahun Kewangan 2025 (Interim) ini.

5. Perhatian dan kerjasama tuan dalam perkara ini dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(SITI ZAINAB BINTI ISMAIL C.A(M), CPA(Aust))**

Ketua Penolong Pengarah

b.p. Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Pahang